

Buletin P&P



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Centre for
Teaching & Learning

Pusat Pengajaran & Pembelajaran(CTL), Universiti Teknologi Malaysia

MEIPTA

(MAJLIS KETUA-KETUA PENYELARAS E-LEARNING IPTA)



Pada 4 hingga 5 November 2008, UTM telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat dan Bengkel Majlis Ketua-ketua Penyelaras e-Learning IPTA. Seramai 40 orang perwakilan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam di seluruh negara telah bersidang selama dua hari bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan e-pembelajaran di samping berkongsi pengalaman dan strategi pelaksanaan di institusi masing-masing. Selain daripada bermesyuarat, satu bengkel bagi memurnikan polisi e-pembelajaran juga telah diadakan.

Sesi pengkongsian maklumat turut diadakan dengan wakil-wakil daripada beberapa buah universiti berkongsi kepakaran dan penggunaan teknologi bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.



Launching of Myline

Universiti Teknologi Malaysia launched the Online Resources for Learning in English, MyLinE, at national level in a ceremony held at the UTM International Campus on 16 September 2008. The ceremony was officiated by the Minister of Higher Education, YB Dato' Seri Mohamad Khaled b. Nordin and attended by Vice Chancellors or their representatives, Deputy Vice Chancellors and lecturers of the other 19 public universities, and senior officers from the Ministry of Higher Education.

MyLinE, which is a popular component of the English Language Support Programme (ELSP), is a self-access learning resource to enhance English language communication skills among students of UTM. It captured the attention of the Ministry of Higher Education when he visited UTM on 20 June 2008. Plans to expand it into a shared resource among all the 20 public universities in Malaysia were then initiated. With a grant of RM 4.4 million from the ministry, work to turn the facility into a national resource began for the task force of this project which involved staff from the English Language Unit, Centre for Teaching and Learning (CTL) as well as the Department of Modern Languages, Faculty of Management and Human Resource Development, the Multimedia Department of CTL and staff from the Centre for Information and Communication Technology (CICT). Three days before the launching, MyLinE was open to all the public institutions of higher learning in Malaysia for a trial run. The number of responses was overwhelming considering the short duration of the trial run. On the day of the launch, the hits received reached a staggering 26 900 hits. This shows that students from the public universities in Malaysia have embraced the concept of learning from online resources and interacting with their peers from different universities. It is hoped that MyLinE will ultimately connect the students of the participating universities and eventually form a community of learners who will be able to share ideas and exchange views in English, and assist one another towards achieving academic excellence.



PowerPoint sememangnya merupakan antara perisian utama yang digunakan oleh kebanyakan pensyarah bagi tujuan persembahan pengajaran. Selain daripada isi pelajaran yang disampaikan, rekabentuk skrin yang menarik perhatian juga memainkan peranan penting dalam proses P&P. Bagi membantu staf akademik menghasilkan rekabentuk bahan persembahan P&P yang lebih menarik, CTL telah menyediakan koleksi templat PowerPoint yang boleh terus digunakan oleh pensyarah. Ianya meliputi pelbagai kategori seperti pendidikan, kejuruteraan, sains, agama, sukan, teknologi maklumat, perniagaan dan banyak lagi. Semua templat ini boleh diperolehi dari laman web e-Pembelajaran@UTM di <http://elearning.utm.my>

Dari meja

Editor



Syukur Alhamdulillah, sekali lagi buletin berkala P&P dapat dikeluarkan untuk hujung tahun 2008 sesuai dengan perancangan untuk mengeluarkan 3 buletin setahun. Dalam tempoh 4 bulan yang lepas iaitu dari September ke Disember banyak peristiwa dan aktiviti yang telah berlaku dan dilaksanakan.

Diantara aktiviti-aktiviti yang penting ialah Pelancaran MyLinE (Online Resources for Learning In English) pada 16 September 2008 oleh YB Dato' Seri Khaled b. Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Tujuan MyLinE adalah untuk membantu pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dan juga penggunaan Bahasa Inggeris dalam matapelajaran lain untuk semua pelajar-pelajar IPTA seluruh Malaysia. Dalam masa satu tahun kita telah dapat membuka kemudahan ini ke peringkat nasional selepas peringkat UTM. Kini pula terdapat beberapa universiti luar negara telah menunjukkan minat dan telah berbincang dengan pihak CTL. Terdapat juga beberapa agensi luar yang telah menunjuk minat dan sedang dalam proses perbincangan untuk menggunakan kemudahan itu bagi tujuan kakitangan dan juga pelajar-pelajar mereka.

Perkembangan yang lain ialah tentang penggunaan e-penilaian pengajaran pensyarah (e-PPP). Kini keseluruhan pelajar dari tahun satu hingga tahun empat telah membuat penilaian pensyarah mereka secara online. Ini telah meningkat dari tahun ke tahun dengan e-PPP digunakan untuk pelajar tahun satu secara permulaan.

Penggunaan e-Learning di UTM telah menjadi contoh kepada universiti lain dan menarik minat mereka untuk menghadiri kursus e-Learning yang dianjurkan oleh CTL. Manakala baru-baru ini pula mesyuarat Majlis Ketua-Ketua Penyelaras e-Learning IPTA (MEIPTA) telah pun diadakan di UTM pada 4 November 2008 di bawah anjuran CTL.

Sebelum ini aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh CTL lebih banyak tertumpu kepada pengajian pra siswazah. Hasrat CTL untuk masa depan ialah untuk mengembangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran CTL untuk pengajian pasca siswazah pula.

Prof. Ir Dr. Hasan bin Md. Nor

Ketua Editor

Prof. Ir. Dr. Hasan bin Md. Nor

Editor

Prof. Dr. Mohamed Noor Hasan
PM Dr. Khairiyah bte Mohd Yusof
PM Khairi Izwan bin Abdullah
PM Dr. Noor Abidah bt. Mohd Omar
Dr. Jamalludin bin Hj. Harun
En. Ganesan Andimuthu

Sidang

Redaksi

(mnoor@utm.my)
(khairiyah@fkkksa.utm.my)
(m-khairi@utm.my)
(m-abidah@utm.my)
(p-jamal@utm.my)
(ganesan@utm.my)

Pembantu Penerbitan

En. Jamil bin Hamzah (H-Jamil@utm.my)
Pn. Ili Ruwaida bt. Md Yusof (iliruwaida@utm.my)

Grafik

En. Halizan bin Hashim (halizan@utm.my)

Jurufoto

En. Supandi bin Bunangin (stillcamera05@yahoo)

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL),

Canseleri,
Bangunan Pusat Siswazah (F54),
81310 UTM Skudai.
Tel.: 07-5537857/51
Faks: 07-5537860
Versi elektronik: www.cctl.utm.my/buletin



PM Dr. Mohd Zaki bin Kamsah



Mohd Faizi bin Pasimon

Salam Perpisahan

Salam perpisahan dan selamat bertugas di tempat baru buat saudara Mohamad Faizi bin Pasimon yang telah menamatkan perkhidmatan di CTL sebagai Pembantu Am Pejabat. Beliau telah bertugas di CTL selama 5 tahun. Manakala bekas Timbalan Dekan II CTL, Prof. Madya Dr. Mohd Zaki bin Kamsah kini telah dilantik sebagai Pengarah Pengajian Pra Siswazah (PPS) yang baru. Semoga pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi sepanjang berkhidmat di CTL dapat digunakan untuk meneruskan tanggungjawab dengan efisien di tempat baru. Seluruh warga CTL mengucapkan Selamat Maju Jaya buat mereka berdua.



Selamat Datang

Selamat datang dan selamat bertugas kepada Prof. Madya Dr. Khairiyah bte Mohd Yusof yang telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah II menggantikan Prof. Madya Dr. Mohd Zaki bin Kamsah. Beliau telah bertugas secara rasminya pada 1 November 2008 yang lalu. Pihak CTL juga ingin mengucapkan tahniah di atas perlantikan ini.

National Day Online Quiz: Discovering Malaysia Winner



The English Language Unit (UBI), Centre for Teaching and Learning (CTL) organised a National Day Online Quiz in conjunction with the University's National Day celebration month from 1 July 2008 to 31 August 2008. The quiz was open to all registered undergraduate and postgraduate students of UTM. The following are the winners:

Category : Local Students

First Prize : WOON KOK SIN (FKA)

Two tickets to Aquaria, KLCC, an 8GB pendrive and a dictionary with CD

Second Prize: KUEH SEOW TECK (FKA)

Two tickets to KL Skyline, KL Tower, an 8GB pendrive and a dictionary

Third Prize: NOOR SHIQIM BTE MOHD SALLEH (FSKSM)

A 4GB pendrive and a book

5 Consolation Prizes:

CHAI JIH CHING (FKA)

AIZUDDIN BIN ABDULLAH (FKE)

SREENIVASS A/L SEGARAN (FKM)

CHONG MING HAN (FAB)

MOHAMAD FADHLUL WAFI B MOHD SABRI (FKE)

A 2GB pendrive each

Category : International Students

First Prize : NOURUDDEEN BASHIR UMAR(FKE)

Two tickets to Aquaria, KLCC, an 8GB pendrive and a dictionary with CD

Second Prize: FOSI MOHAMOUD KOFAL (FKSG)

Two tickets to KL Skyline, KL Tower, an 8GB pendrive and a dictionary

Third Prize: HESHAM ESMAIL SAIF ABDOLELAH (FKKSA)

A 4GB pendrive and a book

5 Consolation Prizes:

MOHAMMED GAMAL NASSER AL ZIDI (FKA)

ISSA ABDIRAHMAN HAJI HASSAN (FSKSM)

FADUMA ISMAIL AHMED (FSKSM)

HAMDI ABDULRAHMAN SAIF (FAB)

MOHAMED ABDIRASHID AHMED (FKA)

A 2GB pendrive each

Congratulations to the Winners!

Lawatan Pihak Luar ke CTL



Institut Kajian Liberal,
Universiti Tenaga Nasional
19 Disember 2008



Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
26 November 2008



Institut Aminuddin Baki,
Kementerian Pelajaran Malaysia
26 November 2008



Universitas International Batam,
Indonesia
26 November 2008



Problem-based Learning(PBL)

by: Associate Professor Dr. Khairiyah Mohd Yusof

Problem-based learning (PBL) has been much talked about in higher education, not only in Malaysia, but also throughout the world. There are numerous international journals, conferences and centers specifically focused on PBL. But, why is there so much interest in PBL? PBL is touted as a teaching methodology that can generate all the required professional skills to produce high-quality graduates. Is there any truth in this claim? The answer is that it is very much dependent on the way PBL is implemented at the course level, the program level and the institutional level. PBL is a philosophy that has to be adapted to the specific condition and environment of the institution and the nature of the field in which it is applied. This can be seen in the different models of PBL implementation throughout the world. Therefore, there is no “one-size-fits-all” approach to PBL that can simply be implemented from one institution to another. Nevertheless, a systematic program level PBL implementation would give a better evaluation of PBL outcomes, compared to isolated micro or course-level level implementation, which Prof. Maggi Savin-Baden, in her PBL workshop during the 2005 PBL Conference in Temasek Polytechnic in Singapore, termed as “PBL on a shoe-string”.

What is PBL?

Problem-based learning (PBL) is an inductive learning approach that uses a realistic, unstructured problem as the starting point of learning. This simply means that in teaching content knowledge or topics in the syllabus, students are not taught first. Instead, they are given a realistic, if not real, problem, which requires them to identify and learn new content knowledge, before they can solve the problem as part of the PBL process. It is important to understand what PBL is so that its implementation can be properly claimed and documented, mainly for auditing and/or accreditation purposes. The strength of PBL lies in engaging students in the learning process by creating interest and excitement through the problem, which gives context to the knowledge learnt. Consequently, students become motivated to learn otherwise dry content, and to cultivate interdependence in learning and thinking amongst peers. From analyzing the problem, students identify their knowledge gap (also called the learning issues), connect them to existing knowledge, and construct their understanding together to synthesize them to solve the problem. The skill to identify and acquire the learning issues is called self-directed learning, which is one of the essential skills required and developed in PBL.

What constitutes a problem in PBL?

The most important criteria for a problem in PBL is that it should be realistic and unstructured. Therefore, if the problem is not real, then it must be something that can possibly happen in the real world. A good problem would provide a scenario for setting the problem, and thus knowledge needed to solve it, into the context of the working world. This is where a lecturer's experience and insight, as well as collaboration with personnel from industry, can be very useful.


Can problems from text-books be used in PBL?

Most of the time, problems from the end of chapters in textbooks cannot be used because the problems are not realistic and not unstructured. Professor Karl Smith, during the 2nd Regional Conference on Engineering Education Pre-Conference Workshop in 2007, classified the questions at the back of the chapters as exercises, not problems. Thus, solving the questions would be exercise-solving, and not problem-solving.

Nevertheless, there are some exceptions, such as realistic case studies or real problems provided in some text-books. These problems can be used as the basis for crafting a problem for PBL.

Are students learning by themselves without guidance?

PBL places a structure for lecturers to guide students in learning and solving a problem. The type of structure is determined by the PBL model chosen for the course. Figure 1 show the cooperative PBL (CPBL) model, which is a sample PBL model used in UTM. Referring to the figure, there are three main phases to the CPBL process:



Phase 1: problem restatement and identification,
 Phase 2: application and synthesis of knowledge to solve the problem
 Phase 3: problem presentation, reflection and closure.

Self-directed learning activities are intertwined in phases 1 and 2, as seen in Figure 1. Each phase in the CPBL process is important in ensuring the achievement of outcomes.

In designing the learning environment for PBL, appropriate scaffolding or support structures for learning new skills must be included. For example, students who are new to PBL must be given support in developing skills for analyzing the problem to identify learning issues. Scaffolding can be given in the form of tutorial questions on the fundamentals or concepts of the learning issues, after students had attempted to identify and analyze the problem. This type of scaffolding guides students to the actual learning issues needed to solve the problem, and enable facilitators to receive feedback and correct misunderstanding of concepts before it is too late. Once the scaffolding has been given several times and students have developed the required skill, it must be taken out.

Facilitation from lecturers, also a form of scaffolding, is one of the major factors in determining the success of PBL implementation. Lack of facilitation causes students to be aimless, and leave them feeling as if they were in a free fall. In severe cases, students may strongly resist, which will naturally lead to a failure in achieving the learning outcome. Overly guiding students (eg. directly answering all questions or revealing steps to solve the problem), on the other hand, lead to spoon-feeding. Although students may like the lecturer who reveals answers to problems during the PBL process, this will also lead to failure in achieving the learning outcomes. In this case, students will often fail to achieve the principle outcome of PBL, which is deep learning and the skill for self-directed learning.

How can I start teaching using PBL?

To teach using PBL, it is recommended that lecturers attend training provided by the Center for Teaching and Learning (CTL). It is also recommended that prior to implementing PBL, lecturers attend training on Active Learning and Cooperative Learning.

KURSUS ANJURAN CTL BULAN OGOS 2008 HINGGA JANUARI 2009

1	Kursus dan Bengkel Analisis Kuantitatif Bagi Penyelidikan dan Pendidikan dan Sains	12 -13 Ogos 2008	Makmal Komputer 1, CTL
2	Kursus Asas Pembangunan Aplikasi Multimedia Pendidikan	25 - 26 Ogos 2008	Makmal Komputer, CTL
3	Kursus Teknologi Internet Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	27 Ogos 2008	Makmal Komputer, CTL
4	Kursus Pembelajaran Aktif Formal (Pembelajaran Berpasukan)	28 -29 Ogos 2008	Dewan Jamuan Korporat
5	Bengkel Penambahbaikan Sistem e-Portfolio	28 -29 Oktober 2008	Hotel Bay View, Melaka
6	Kursus Asas Pembangunan Laman Web Bagi Tujuan P&P	29 - 30 Oktober 2008	Makmal Komputer 1, CTL
7	Bengkel Penyemakan Semula Sistem Penilaian Pembelajaran	31 Okt - 2 Nov 2008	Klana Resort, Seremban
8	Bengkel Pemantapan Pemerhatian Pengajaran	4 - 5 November 2008	Hotel Ancasa&Spa, Port Dickson
9	Bengkel Semakan Spesifikasi Program	14 - 16 November 2008	Hotel Renaissance, Melaka
10	Bengkel Penyemakan Kurikulum Kursus Pengajaran Menerusi Teknologi	14 - 16 November 2008	Hotel Renaissance, Melaka
11	Bengkel Penyuntingan Buku Panduan Penggunaan e-Learning untuk Pensyarah	21 - 23 November 2008	Hotel Dorsett Regency, Kuala Lumpur
12	Bengkel Penyemakan Penilaian Akademik	28 - 30 November 2008	Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur
13	Bengkel Pemurnian Modul Bahan Penerapan Insaniah	12 - 14 Disember 2008	Hotel Dorsett Regency, Kuala Lumpur
14	Bengkel Penyelidikan e-Learning di UTM 2008	16 - 18 Disember 2008	Hotel Ancasa, Port Dickson
15	Bengkel Pemurnian Modul Pengajaran Menerusi Teknologi di UTM	18 - 20 Januari 2009	Hotel Corus Paradise, Port Dickson
16	Kursus Asas e-pembelajaran	4 - 5 Januari 2009	Makmal Komputer 1, CTL
17	Kursus Perancangan Pengajaran berkesan bagi Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE)	4 - 5 Januari 2009	Starhill Golf & Country Club



Siri Rakaman Video Muhasabah Diri bersama PPIPS



Video digital yang disebarluaskan menerusi web merupakan antara teknologi yang semakin berkembang pesat dan diterima ramai sebagai salah satu sumber penyaluran maklumat yang bukan sahaja menarik perhatian tetapi juga lebih berkesan. Selari dengan perkembangan teknologi ini, CTL dengan kerjasama Pusat Pengajian Islam dan Perkhidmatan Sosial (PPIPS) telah mengambil inisiatif untuk merakamkan siri kuliah agama yang dikenali sebagai Siri Muhasabah Diri Bersama PPIPS. Rakaman video yang dilakukan di Studio CTL ini meliputi pelbagai topik seperti, Konsep Ibadah, Falsafah Solat, Akhlak yang Mulia, Amanah dan sebagainya.

Sehingga kini hampir 50 siri rakaman video telah berjaya disiapkan dengan setiap rakaman mengambil masa di antara 10 hingga 15 minit tayangan. Semua rakaman video ini boleh ditonton menerusi laman web UTMOnline di <http://utmonline.utm.my>. Ianya juga boleh dicapai menerusi laman e-Pembelajaran@UTM di <http://eLearning.utm.my> bagi membolehkan semua pelajar dan staf mencapainya dengan lebih mudah.

Kepada fakulti/unit/pusat yang mempunyai cadangan untuk merakamkan siri video khususnya yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di UTM, anda boleh berhubung terus dengan CTL di talian 37880 atau menerusi e-mel ctl@utm.my.



PENILAIAN

PENGAJARAN PENSYARAH@UTM

Penilaian Pengajaran Pensyarah di UTM telah dimulakan pada tahun 1997. Salah satu tujuan utama proses penilaian ini dilakukan ialah bagi membolehkan para pensyarah mendapat maklumbalas mengenai pengajaran mereka terus daripada pelajar. Ini seterusnya membolehkan pensyarah berkenaan melakukan proses refleksi bagi memperbaiki atau meningkatkan kualiti pengajaran masing-masing untuk sesi pengajaran yang seterusnya di masa hadapan. Sehingga kini, hanya sesi pengajaran dalam bentuk kuliah sahaja yang dibuka ruang untuk dinilai oleh pelajar. Oleh kerana terdapat permintaan daripada pihak universiti, fakulti mahupun pensyarah sendiri agar sesi pengajaran dalam bentuk studio, makmal mahupun kerja lapangan turut dinilai sama, maka pihak CTL mengambil inisiatif untuk mengadakan satu Bengkel Penyemakan Semula Sistem Penilaian Pengajaran pada 31 Oktober hingga 2 November 2008 yang lalu. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak semula item-item sedia ada bagi sistem penilaian pengajaran pensyarah yang sedang digunakan di UTM. Di samping itu, beberapa instrumen baru juga dicadangkan iaitu item bagi penilaian pengajaran pensyarah untuk:

- sesi pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah atau strategi pembelajaran aktif yang lain.
- sesi pengajaran berbentuk Studio.
- sesi pengajaran berbentuk Makmal.
- sesi pengajaran berbentuk Kerja Lapangan.

CTL mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada wakil-wakil daripada setiap fakulti yang dijemput kerana sudi meluangkan masa, tenaga dan idea dalam memberi input dan seterusnya menghasilkan instrumen penilaian yang diperlukan. Item-item yang telah disediakan itu akan melalui proses pengujian dan penilaian sebelum boleh mula digunakan dalam konteks penilaian sebenarnya kelak.

Mencari dan Mengumpul Sumber Audio dan Video bagi Tujuan P&P

Dengan menggunakan enjin carian seperti Yahoo dan Altavista, proses mencari sumber media seperti audio dan video telah semakin dipermudahkan. Berikut merupakan contoh proses kerja yang boleh digunakan bagi tujuan yang dinyatakan.

- ① Layari laman web Yahoo (<http://www.yahoo.com>) atau Altavista (<http://www.altavista.com>)
- ② Klik pada pautan Video atau Audio yang disediakan pada enjin carian yang disediakan.
- ③ Apabila tetingkap seperti berikut dipaparkan, taipkan kata kunci carian media yang ingin dicari. Dalam contoh ini, kata kunci "car accident" telah digunakan. Anda juga boleh menetapkan pilihan format fail audio atau video yang diperlukan.
- ④ Apabila senarai klip video yang berkaitan dengan kemalangan kereta seperti mana yang diperlukan dipaparkan, klik pada mana-mana pautan yang mengandungi media yang diperlukan.



- ⑤ Seterusnya, anda akan dibawa ke laman web yang mempunyai klip video tersebut.
- ⑥ Cari lokasi di mana klip video tersebut dipaparkan di laman web tersebut.
- ⑦ Seterusnya, klik tetikus sebelah kanan pada pautan yang disediakan. Pilih arahan Save Link As atau Save Target As untuk memuat turun media yang disediakan ke dalam ruang cakera keras anda untuk tindakan selanjutnya.
- ⑧ Walau bagaimanapun, perlu juga difahami bahawa terdapat keadaan di mana fail audio atau video yang ditemui tidak boleh dimuat turun ke dalam komputer anda. Ini khususnya apabila media tersebut ditawarkan dalam format aliran atau streaming ataupun ianya sememangnya dikawal oleh pemilik asal agar tidak boleh dimuat turun oleh pengguna lain.

UTM Toastmasters Club



The English Language Unit (UBI), Centre for Teaching and Learning (CTL) in collaboration with the Toastmasters International has set up a Toastmasters Club in UTM. The club, known as the UTM Toastmasters Club, has 30 members consisting of academic and non-academic staff. For those unfamiliar with this organization, Toastmasters is one of the largest organized systems of personal development in the world. It focuses on public speaking and leadership skills. The organization has over 200 000 members in over 90 countries worldwide. The UTM Toastmasters Club held its first meeting on 6th January 2009 and the members will meet once a fortnight on Tuesdays. The main aim of the club is to provide ample opportunities for its members to practice Public Speaking skills and leadership skills.



Mencari dan Mengumpul Sumber Animasi Flash bagi Tujuan P&P

Animasi merupakan antara elemen multimedia yang mampu menarik perhatian dan sekiranya dimanfaatkan dengan bijak mampu memberi kesan yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Format animasi yang paling popular yang boleh diperoleh menerusi web antaranya ialah animasi dalam format Flash (.swf). Selain daripada dimuat turun cara biasa (klik butang kanan tetikus sambil memilih arahan Save Target As atau Save Link As) terdapat juga fail animasi Flash yang tidak boleh dimuat turun dengan cara yang begitu. Berikut merupakan teknik yang boleh digunakan bagi mencari dan seterusnya memuat turun fail animasi Flash yang tidak boleh dimuat turun cara biasa yang dinyatakan.

Memuat Turun Fail Animasi Flash Menerusi Perisian Internet Explorer

- 1 Dengan menggunakan perisian Internet Explorer (IE), layari laman web yang mengandungi fail animasi Flash yang dikehendaki. Mainkan animasi tersebut sehingga selesai.




- 2 Pilih arahan Internet Options daripada menu Tools. Seterusnya aktifkan tab pilihan General pada tettingkap Internet Options tersebut.
- 3 Pada tab pilihan General, tekan butang Settings yang disediakan di bahagian Temporary Internet Files (atau Browsing History; bergantung kepada versi IE yang digunakan).
- 4 Seterusnya apabila tettingkap Temporary Internet Files and History Settings dipaparkan, klik pada butang View Files.



- 5 Ini akan menyebabkan folder Temporary Internet Files akan dibuka dan memaparkan semua fail sementara atau temporary yang ada di dalam sistem.
- 6 Susun fail di dalam folder tersebut mengikut kategori yang berseesuaian bagi memudahkan proses carian fail Flash yang dikehendaki. Sebagai contoh; gunakan arahan View>Arrange Icons by>Type yang akan menyebabkan semua fail disusun mengikut jenisnya.

- 7 Kenalpasti fail animasi Flash yang diperlukan, salin (copy) fail tersebut dan pindahkan ke lokasi simpanan fail anda di dalam cakera keras.



Memuat Turun Fail Animasi Flash Menerusi Perisian Mozilla Firefox

- 1 Dengan menggunakan perisian Mozilla Firefox, layari laman web yang mengandungi fail animasi Flash yang dikehendaki.
- 2 Pilih arahan Page Info daripada menu Tools. Seterusnya aktifkan tab pilihan Media pada tettingkap Page Info tersebut. Tab pilihan Media memaparkan senarai lengkap media-media yang sedang dipersembahkan menerusi perisian Mozilla Firefox yang sedang aktif meliputi fail imej, CSS dan termasuklah fail animasi Flash (dikenali sebagai Shockwave Flash - .swf).
- 3 Kenalpasti fail animasi Flash yang diperlukan, aktifkan fail tersebut dan tekan butang Save As yang disediakan bagi memuat turun fail animasi Flash tersebut ke dalam ruang cakera keras komputer masing-masing.

